

21 JUN 2003

CORAT-CORET HARI TERAKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-54

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Corat-coret pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini:

Orang ramai yang mengunjungi Pusat Dagangan Dunia Putra (PTWC) untuk mengikuti Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang memasuki hari ketiga dan terakhir hari ini tidak perlu mengeluarkan wang untuk membeli beberapa akhbar harian utama apabila ada pihak yang menaja untuk mengedarkannya secara percuma.

Bagi mereka yang meminati akhbar The Star, syarikat Aastha Corporation Sdn Bhd, telah menaja sejumlah 1,000 naskah untuk diedarkan kepada perwakilan dan orang ramai, sejak Khamis lepas.

Usaha mereka itu dibantu oleh seorang wanita Jasmit Kaur Badsha dan anaknya, Manisha Jeet Kaur, 8, yang menjadi perhatian kerana berbaju "Jalur Gemilang", dengan ucapan dan senyuman tanpa berhenti mengedarkan akhbar berkenaan sehingga selesai.

Keunikan baju mereka turut mendapat teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mereka bersalaman sebelum Perdana Menteri memasuki Dewan Merdeka semasa sesi pagi persidangan.

"Cantiknya baju," Dr Mahathir kedengaran berkata.

Akhbar The New Straits Times, Berita Harian, The Malay Mail dan Harian Metro juga turut diedarkan secara percuma kepada orang ramai sejak dua hari lepas.

Dewan Makan Media yang menyediakan juadah minum pagi, makan tengah hari dan petang sepanjang perhimpunan berlangsung hari ini menerima kejutan dan sesak berikutan orang ramai turut mengambil kesempatan untuk menikmati makanan percuma di situ.

Petugas media yang membuat liputan terpaksa beratur lebih lama dan ada di antara mereka membatalkan hasrat untuk makan kerana kesuntukan masa dan tidak sanggup menunggu 20 minit untuk mendapat makanan.

Para pelayan yang ditugaskan di dewan berkenaan turut menggeleng kepala kerana tidak menang tangan untuk menghidang makanan dan mengemas meja.

Kerusi dan meja yang boleh memuatkan kira-kira 50 orang makan pada satu-satu masa sentiasa penuh menyebabkan ramai yang terpaksa makan sambil berdiri.

Seperti yang dijangkakan, PWTC hari ini "sendat" dengan orang ramai yang ingin mendengar sendiri ucapan penggulungan Dr Mahathir, sehingga tiada ruang bergerak dengan selesa terutamanya di Aras 2 yang menempatkan Ekspo Pameran dan Jualan sempena perhimpunan.

Lautan manusia membanjiri segenap pelosok dan ruang sejak pagi dengan pelbagai aktiviti.

Ada yang mengambil kesempatan untuk membeli-belah di 450 gerai jualan yang menawarkan "harga lelong" bagi menghabiskan jualan barangan mereka kerana hari ini merupakan hari terakhir.

Terdapat juga yang mengambil sikap "peduli apa" dengan pandangan orang ramai apabila mereka dengan bersahaja "berkelah", menikmati makanan yang dibawa dari rumah di ruang yang sepatutnya menjadi laluan.

Kebanyakan yang lain pula mahu menempah tempat duduk di hadapan skrin besar yang menyiarkan secara langsung persidangan khususnya pada sebelah petang yang merupakan sesi penggulungan.

Kehadiran orang yang begitu ramai juga memberi peluang kepada penyeluk saku "menjalankan operasi" mereka.

Walaupun terdapat begitu ramai pengawal keselamatan dan polis berada di dalam dan di luar PWTC, ia tidak menghalang pencopet memanjangkan tangan menjangkau ke dalam poket dan beg mangsa.

Telefon bimbit dan beg duit adalah antara barangan yang dilaporkan hilang. Seorang daripada mangsa penyeluk saku ialah seorang wartawan yang kehilangan telefon bimbit bernilai lebih RM1,000 semasa beliau berusaha melepaskan diri daripada kesesakan orang ramai menuju ke Pusat Media di Aras 3.

"Semasa berasak-asak untuk datang ke sini (Pusat Media) tiba-tiba je terasa pouch berisi telefon yang digantung di leher menjadi ringan," katanya, mengadu kepada rakan-rakan media yang sedang sibuk bertugas.

Restoran Riverside, yang menjadi antara medan untuk golongan VIP makan minum, turut menjadi mangsa "makan percuma" semasa lautan orang ramai mengunjungi PWTC.

Beberapa pelayan restoran itu merunggut apabila sukar untuk mengenakan caj makan bagi hidangan yang disediakan secara buffet.

Ada daripada kalangan pengunjung restoran itu bersama isteri dan anak-anak mengambil kesempatan berkongsi tempat duduk dengan golongan kenamaan berikutan meja makan penuh dan selamba meninggalkan restoran selepas habis makan tanpa membayar.

Dua orang pelayan restoran itu kelihatan berdiri di pintu utama keluar-masuk restoran itu untuk mengingatkan pelanggan yang terlupa membayar bil.

Keghairahan ribuan orang ramai untuk bersalaman dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan Umno kali ini menyebabkan pengawal peribadi dan keselamatan pemimpin itu turut "pening" dan "tidak menangan" bagi memastikan tidak berlaku sebarang kejadian buruk.

Bagaimanapun keadaan itu tidak menghalang Dr Mahathir untuk terus bertemu dengan rakyat dan penyokong Umno apabila ada kelapangan masa atau semasa dalam perjalanan ke sesuatu majlis yang telah diatur di PWTC khususnya semasa persidangan berehat tengah hari ini.

Seringkali Dr Mahathir dengan senyuman sambil diikuti rapat di belakang oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menyambut setiap tangan yang dihulurkannya oleh mereka yang beratur untuk bersalaman.

Pada satu peringkat, pegawai pengiring pemimpin itu mencadangkan supaya Dr Mahathir menggunakan laluan lain bagi mengelak daripada terpaksa menempuhi ribuan orang yang berada di bangunan PWTC tetapi pemimpin itu tidak bersetuju.

Difahamkan Dr Mahathir tidak ingin menghampakan mereka yang ingin bersalaman dengannya terutama apabila ini adalah perhimpunan terakhirnya sebagai Presiden dan Perdana Menteri apabila akan melepaskan jawatan pada Oktober ini.

Sama seperti yang berlaku pada persidangan yang lepas-lepas, masalah

bilik air tetap berulang tahun ini.

Ramai daripada orang ramai khususnya golongan "umur veteran" yang ingin menggunakan tandas merunggut kerana sukar menggunakan "kecanggihan teknologi" yang ada di tandas itu bagi tujuan bersuci.

Kerana kasihan, ada yang menawarkan diri menunjukkan cara menggunakan paip di tandas.

-- BERNAMA

RAR KHY ZS MOZ